

UCAPAN YB DATUK ROSNAH ABD RASHID SHIRLIN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MERANGKAP AHLI PARLIMEN P 175 PAPAR DAN KETUA PERGERAKAN PUTERI UMNO MALAYSIA SEMPENA MAJLIS TAKLIMAT KEPADA AHLI MEDIA MENGENAI LEBUHRAYA PAN BORNEO PADA 16 OGOS 2013 DI MING GARDEN HOTEL KOTA KINABALU

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Yang Dihormati,

(salutasi)

1.Pertama-tama saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya di bulan syawal yang mulia ini kita semua dapat sama-sama berkumpul pada petang ini. Tidak terlewat rasanya saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada tuan-tuan dan puan-puan semua.

2.Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan ahli media yang sudi meluangkan masa hadir pada Majlis Taklimat Lebuhraya Pan Borneo pada petang ini.

3.Sesungguhnya tujuan taklimat pada petang ini diadakan adalah khusus untuk memberi penerangan kepada para media mengenai fungsi sebenar Kementerian Kerja Raya serta agensi – agensi di bawah Kementerian Kerja Raya dan yang lebih utama adalah mengenai Pembinaan Leburaya Pan Borneo secara lebih jelas dan terperinci. Usaha ini adalah agar tuan-tuan dan puan-puan semua boleh menyampaikan maklumat yang tepat dan cepat untuk masyarakat khususnya masyarakat di Negeri Sabah ini.

4.Untuk maklumat tuan-tuan dan puan-puan sekalian, salah satu tugas utama Kementerian Kerja Raya adalah membina dan menyelenggara jalan-jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Menteri Kerja Raya Malaysia. Sehingga kini terdapat lebih daripada 19,000 km Jalan Persekutuan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Jalan-jalan ini telah diberi nama laluan masing-masing dan di selenggara oleh

KKR melalui konsep penswastaan. Beberapa syarikat konsesi telah di lantik oleh Kerajaan bagi tujuan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang di bahagi mengikut zon-zon tertentu. Kerja – kerja penyenggaraan ini meliputi pelbagai aspek termasuklah kerja penyenggaraan rutin, berkala dan juga kecemasan. Kementerian Kerja Raya juga berperanan menyenggara Bangunan Gunasama Persekutuan di seluruh Kuala Lumpur juga di peringkat Negeri dan Daerah.

5.Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan juga, terdapat 6 agensi di bawah Kementerian Kerja Raya. Tiga agensi utama iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Ketiga-tiga agensi utama ini mempunyai peranan yang tersendiri. Misalnya JKR yang merupakan sebuah agensi teknikal yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan pembinaan projek-projek pembangunan infrastruktur kerajaan. Ia juga berperanan dalam merancang, mereka bentuk dan membina projek-projek pembangunan prasarana negara. LLM pula berperanan untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyelenggaraan lebuh raya- lebuh raya, mengenakan dan mengutip tol, membuat kontrak dan membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Manakala, CIDB berfungsi untuk membangun, menyelaras, dan mengawal selia sektor pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup seterusnya menyumbang ke arah mempertingkatkan daya saing industri.CIDB juga memainkan pelbagai peranan strategik untuk mempromosi dan merangsang pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan. Matlamat CIDB adalah membangunkan industri pembinaan Malaysia sebagai industri bertaraf dunia yang inovatif dan peka kepada keperluan negara.

6.Tiga lagi agensi di bawah Kementerian Kerja Raya adalah Lembaga Jurutera Malaysia (LJM),antara fungsi LJM adalah mendaftar dan menyelenggara daftar Jurutera Profesional, Jurutera Siswazah, Jurutera Sementara, Amalan Kejuruteraan Perunding dan Pemeriksa Bertauliah; menentukan dan mengawal selia tata kelakuan serta etika profesion kejuruteraan; menilai dan mengakreditasi program-program kejuruteraan

yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi; menjalankan Peperiksaan Penilaian Profesional; menjalankan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk Jurutera Profesional dan Program Pembangunan Profesional (PDP) untuk Jurutera Siswazah; menetapkan skala yuran perkhidmatan kejuruteraan professional dan bertindak sebagai *stakeholder* dalam kontrak perkhidmatan kejuruteraan profesional. Agensi seterusnya adalah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang fungsinya lebih terfokus kepada menguatkuasakan Akta Juruukur Bahan 1967 yang meliputi aspek Juruukur Bahan secara lebih bersepadu. Agensi yang terakhir iaitu Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), LAM bertanggungjawab menjalankan pendaftaran Arkitek Profesional, Arkitek Graduan, Pereka bentuk Dalaman dan Pelukis Pelan Bangunan. LAM juga berperanan dalam menetapkan dan mengawalselia kod tatakelakuan dan etika profesion Arkitek, Pelukis Pelan Bangunan dan Perekabentuk Dalaman. LAM turut menetapkan skala fi profesional yang boleh dikenakan oleh para praktis perunding arkitek dan rekabentuk dalaman. Keenam-enam yang sebutkan sebentar tadi merupakan agensi yang menjadi tunjang utama kepada Kementerian Kerja Raya dalam memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7.Menyentuh soal pembinaan Pan Borneo, kerajaan sememangnya komited untuk menyiapkan dan menaiktaraf Jalanraya Pan Borneo seperti yang dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional semasa PRU-13 bagi meningkatkan akses kepada kawasan-kawasan pertumbuhan ekonomi dan demi kesejahteraan rakyat.

8.Pada masa kini, Kementerian sedang giat merancang, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah, penyediaan senarai keutamaan projek-projek naiktaraf Jalan Raya Pan Borneo untuk dilaksanakan mulai Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Ke-Empat (RP4, RMKe-10) sehingga Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) (2016 – 2020).

9.Jalan Raya Pan Borneo sepanjang 2239km bermula dari Sematan di bahagian barat Sarawak dan melalui Bandaraya Kuching, Serian, Sri Aman, Sarikei, Sibul, Bintulu, Miri,

Limbang, Lawas, Kota Kinabalu, Sandakan dan seterusnya ke Tawau, Sabah tidak termasuk *missing link* sepanjang 50km dari Kalabakan ke Serudong di sempadan Sabah/Kalimantan, Indonesia. Keseluruhan jalan raya ini telah berturap; 248.65km di tahap 4-lorong atau 6-lorong manakala bakinya masih ditahap 2-lorong.

10. Melalui pelan induk Highway Network Development Plan Phase 2 (HNDP 2) untuk Sabah dan Sarawak yang telah disiapkan pada tahun 2010, Kementerian Kerja Raya telah merancang untuk menaiktaraf keseluruhan Jalan Raya Pan Borneo ke tahap dual carriageway, 4-lorong secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2011. Anggaran kos (secara kasar) untuk menaiktaraf keseluruhan Jalan Raya Pan Borneo adalah sebanyak RM22.0 bilion (RM12.5 bilion di Sarawak dan RM9.5 bilion di Sabah).

11. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berfasa mengikut senarai keutamaan jajaran yang telah dan akan dikenal pasti. Ini merupakan tambahan kepada peruntukan sebanyak RM457 juta yang telah sedia diluluskan oleh Kerajaan dalam RMKe-10 untuk program Jalan Pan Borneo. Ia melibatkan skop membaik pulih jalan, membina lorong-lorong memotong, rawatan kawasan-kawasan kemalangan (blackspots) dan menaikkan aras jalan-jalan yang sering dilanda banjir. Sehingga kini terdapat 109 projek yang terlibat di mana daripada jumlah tersebut sebanyak 74 projek telah disiapkan manakala bakinya sedang dalam peringkat pembinaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Kementerian Kerja Raya sangat menghargai peranan ahli media yang menjadi orang tengah dan perantara berkesan di antara rakyat dan kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya sendiri dalam menyampaikan maklumat, hasrat serta prakarsa yang dilaksanakan oleh Kementerian kepada rakyat. Tuan-tuan dan puan-puanlah yang menjadi agen penyebar terhadap apa sahaja usaha, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya kepada rakyat. Oleh itu saya amat berharap, sekiranya terdapat apa sahaja isu berbangkit berkaitan Kementerian Kerja Raya, saya mohon agar segala isu tersebut dirujuk kepada Kementerian Kerja Raya agar apa yang dilaporkan adalah sahih dan bertepatan dengan maklumat sebenar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13.Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan semua memahami betapa berpengaruhnya media tempat saudara-saudara bekerja, tidak kira berapa besar atau sekecil mana organisasinya. Saya amat berharap agar – kita mampu memaparkan berita yang mempunyai pendekatan yang seimbang terhadap semua perkara.

14.Sebagai penutup saya ingin mengambil kesempatan pada majlis ini untuk merakamkan penghargaan saya sendiri kepada pihak media massa di atas sumbangannya dalam membantu saya selaku Ahli Parlimen di Negeri Sabah selama ini. Sesungguhnya sokongan dan sumbangan anda semua amat saya hargai.

15.Saya juga ingin merakamkan penghargaan Kementerian Kerja Raya kepada ahli media yang hadir pada petang ini. Anda semua sentiasa peka untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan cepat kepada masyarakat terhadap setiap isu dan insiden yang melibatkan Kementerian Kerja Raya. Saya percaya keikhlasan anda semua dalam melaksanakan tanggungjawab amat difahami oleh rakyat dan kerajaan. Pada masa yang sama, saya berharap anda juga yakin kepada kejujuran kerajaan dan para pemimpinnya.

Akhir sekali, sekali lagi terima kasih kepada pihak media yang sudi hadir. Semoga majlis seperti ini bukan yang terakhir.InsyaAllah. Pihak Kementerian Kerja Raya pasti akan mengadakan taklimat seperti ini khusus untuk ahli media.

Sekian. Salam Hormat.

Wasalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.